

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Teknologi Katering 8861/1 ini mengandungi dua bahagian. Calon diberi masa 2½ jam untuk menjawab kedua-dua bahagian.

- Bahagian A Mengandungi dua puluh soalan pendek. Calon diwajibkan menjawab semua soalan.
- Bahagian B Mengandungi enam soalan berstruktur. Calon diwajibkan memilih empat soalan sahaja.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhan prestasi calon meningkat. Bilangan calon yang memperolehi markah maksima semakin bertambah berbanding tahun sebelum ini. Kebolehan calon dalam menyampaikan fakta mengikut kehendak kata tugas dan soalan adalah lebih baik. Namun masih terdapat calon yang gagal menguasai kemahiran menulis fakta dengan jelas dan tepat.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon memahami kehendak soalan dengan mengemukakan fakta yang tepat dan mencukupi. Setiap fakta diikuti dengan huraian yang mantap berserta dengan contoh yang sesuai.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon memahani kehendak soalan yang diberi tetapi mengemukakan fakta yang terhad kerana huraian yang dikemukakan tidak mantap dan tanpa jawapan sokongan. Ini menunjukkan calon kurang menguasai isi mata pelajaran yang berkenaan.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon tidak memahami kehendak soalan menyebabkan fakta yang diberi adalah terhad dan kadangkala tersilap. Kesilapan fakta adalah disebabkan persepsi calon terhadap kehendak soalan tidak tepat.

PRESTASI TERPERINCI**Bahagian A****Soalan 1**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Fakta yang

diberi adalah untuk jawapan kepada pengkelasan vitamin larut air dan bukannya vitamin larut lemak seperti kehendak soalan.

Soalan 2

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Fakta yang diberi adalah untuk jawapan kepada fungsi air dan bukannya fungsi pelawas seperti yang dikehendaki oleh soalan.

Soalan 3

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Jawapan calon mengikuti kefahaman sendiri dengan mengemukakan fakta mengenai pengambilan makanan dan bukannya menghuraikan proses pencernaan seperti yang dikehendaki oleh soalan.

Soalan 4

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Pada umumnya calon tidak dapat mengemukakan fungsi enzim lipase dengan jelas. Jawapan yang dikemukakan merujuk kepada fakta fungsi enzim lain ataupun fungsi nutrient.

Soalan 5

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Calon tidak menyinarakan langkah membersih lantai secara urutan. Terdapat calon yang tertinggal langkah membilas dan fakta mengeringkan lantai.

Soalan 6

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Calon mengemukakan fakta mengenai cara mencuci gelas tetapi kehendak soalan adalah cara bagaimana menguji gelas selepas digilap iaitu dengan cara menghala gelas kearah cahaya.

Soalan 7

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Calon tidak memberi fakta mengenai peraturan keselamatan tetapi fakta mengenai akibat daripada tidak mengikuti peraturan keselamatan. Calon juga mengulangi fakta yang sama bagi kedua-dua jawapan. Contoh jawapan seperti; berlaku kemalangan jika tidak berhati-hati dengan kecuaiian menyebabkan kemalangan.

Soalan 8

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Calon tidak menjawab cara rawatan awal bagi renjatan elektrik tetapi fakta menjurus kepada cara memutuskan sumber elektrik. Fakta memutuskan punca elektrik bukan cara rawatan tetapi tindakan awal yang dilakukan jika berlaku renjatan elektrik.

Soalan 9

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Calon keliru istilah saidbod dengan *sign board*. Jawapan calon menumpukan kepada fakta mengenai *sign board* dan bukan saidbod seperti kehendak soalan. Contoh jawapan seperti:- Kegunaan saidbod adalah tempat meletakkan maklumat seperti menu dan arahan diluar atau dalam restoran. Sepatutnya jawapan adalah seperti kegunaan saidbod adalah untuk meletakkan makanan yang akan dihidang atau tempat menyimpan peralatan perunggu meja.

Soalan 10

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Calon keliru fakta diantara kehendak soalan peraturan dengan langkah penjagaan set aising. Contoh jawapan seperti basuh set aising menggunakan air suam, bilas dan simpan. Sepatutnya jawapan adalah seperti elakkan mencuci set aising menggunakan bahan keras seperti dawai gosok periuk kerana ini boleh mencalarkan alat tersebut.

Soalan 11

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Fakta calon lebih tertumpu kepada kualiti makanan yang hendak dijual dan bukannya panduan menentukan harga makanan yang hendak dijual. Contoh jawapan seperti: Makanan perlu bersih dan berkualiti. Sepatutnya jawapan adalah mengenai fakta kos bahan, kos prima atau peratus tambah harga.

Soalan 12

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Calon telah menjawab fakta jenis bater sebagai fakta untuk jenis *butter*. Contoh jawapan seperti jenis bater ialah krim mentega dan contoh makanan ialah kek. Sepatutnya jenis bater ialah bater cair dan contoh makanannya adalah Kuih Lompang.

Soalan 13

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Calon cenderung kepada mengulangi fakta yang sama untuk jawapan yang seterusnya. Contoh jawapan seperti; Tidak lembik bila ditekan dengan keras bila dipegang.

Soalan 14

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Calon tidak dapat menjelaskan fakta kecuaiian semasa membeli bahan makanan dengan tepat dan munasabah tetapi dinyatakan fakta didalam satu dan dua perkataan sahaja. Contoh jawapan seperti; Membeli makanan yang rosak dengan membeli makanan yang telah busuk. Jawapan sepatutnya menerangkan dari segi tarikh luput ataupun kekemasan bungkusan.

Soalan 15

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Jawapan calon tertumpu kepada kehendak soalan secara tersurat dan bukan secara tersirat seperti yang dikehendaki oleh soalan. Jawapan calon lebih kepada apa yang dilihat seperti Kuih Lapis akan melekat pada loyang atau Kuih Lapis akan menjadi keras. Sepatutnya jawapan menghurai kesan haba lembab keatas biji kanji yang terdapat didalam tepung beras. Jawapan akan merujuk kepada tindakbalas haba keatas biji kanji.

Soalan 16

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Calon menjawab pulut tidak masak. Sepatutnya pulut tidak ditekan dengan padat.

Soalan 17

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Calon tidak memahami kehendak soalan dengan jelas kerana jawapan yang diberi bukan contoh bahan hiasan daripada sayur jenis buah seperti tomato atau cili tetapi memberi jawapan seperti daun salad dan daun bawang.

Soalan 18

Keseluruhan calon dapat mengemukakan fakta yang tepat dengan memahami kehendak soalan dengan baik. Jawapan calon tertumpu kepada bekas yang tertutup.

Soalan 19

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Calon menjawab kelemahan yang dikehendaki dengan tidak berdasarkan kepada menu yang diberi. Contoh jawapan seperti; Menu tidak mempunyai air minuman. Sepatutnya jawapan tertumpu hanya kepada menu yang diberi dan jawapan yang dikehendaki adalah seperti menggunakan bahan yang berulang seperti daun pisang atau pun menu tidak mempunyai keseimbangan dari segi rasa dan warna.

Soalan 20

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Calon mengemukakan fakta yang kurang lengkap. Contoh jawapan seperti: Jus limau boleh mengurangkan lemak. Sepatutnya jus limau boleh mengurangkan rasa lemak pada pastri.

Bahagian B

Soalan 1 (a)

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Fakta jawapan bertukar tempat diantara keterangan menu jenis table dhote dengan keterangan menu jenis a la carte.

Soalan 1 (b)

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Calon menjawab fakta mengenai cara merancang jamuan iaitu seperti tempat yang sesuai dan suasana cara menghidang. Sepatutnya jawapan menumpukan kepada fakta seperti keseimbangan menu dari segi khasiat, warna, bahan, tekstur dan rasa.

Soalan 2 (a)

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Calon tidak memberi fakta mengenai kepentingan pengawalan catuan untuk menentukan keuntungan tetapi jawapan menjurus kepada fakta kegunaan alat catuan. Contoh jawapan seperti gunakan alat catuan seperti cawan atau penimbang. Sepatutnya jawapan adalah seperti; dengan adanya saiz catuan makanan dapat mengelakkan berlakunya pembaziran.

Soalan 2 (b)

Calon cemerlang dapat mengemukakan formula pengekosan dengan tepat dan menunjukkan jalan kerja yang lengkap. Walau bagaimanapun terdapat calon yang boleh memberi formula yang tepat tetapi salah memasukkan angka di atas kecuaiannya. Ada

calon yang cuba menjawab dengan memberi satu formula yang baru yang diada-adakan. Calon lupa mendarabkan kos bahan dan kos prima untuk 300 bungkus nasi ayam untuk mencari untung kasar. Calon hanya menggunakan fakta untuk 20 Nasi Ayam sahaja.

Soalan 3 a (i)

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Terdapat calon yang menjawab fakta untuk keperluan pelawas dan bukannya keperluan air seperti yang dikehendaki oleh soalan.

Soalan 3 a (ii)

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Calon tidak menghuraikan minuman berkhasiat sebagai salah satu pengkelasan minuman tetapi calon telah salah tafsir minuman berkhasiat sebagai minuman kesihatan. Contoh jawapan seperti: Jawapan calon menerangkan mengenai minuman kesihatan seperti Anelene sedangkan jawapan yang sepatutnya menunjukkan fakta nutrien yang terdapat didalam minuman berkhasiat seperti protein sebagai makanan pembina tubuh, lemak sebagai pemberi haba dan tenaga serta nutrien vitamin dan garam mineral sebagai pencegah penyakit.

Soalan 3 (b)

Keseluruhan calon dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan dengan baik.

Soalan 4 (a)

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Calon tidak memberi ciri peti sejuk tetapi telah menjawab mengenai cara memilih peti sejuk. Contoh jawapan seperti; Pilih peti sejuk yang besar. Sepatutnya jawapan adalah seperti; peti sejuk perlu bersaiz sesuai dengan keperluan penyimpanan bahan makanan yang dikendalikan di dapur.

Soalan 4 (b)

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Calon telah mengemukakan fakta mengenai kepentingan alat penjimat masa dan tenaga bukannya fakta mengenai kriteria memilih alat penjimat masa dan tenaga. Calon mengemukakan jawapan seperti; alat penjimat masa dan tenaga boleh membantu didalam mempercepatkan persediaan memasak. Sepatutnya jawapan adalah seperti; pilih alat yang senang dikendalikan dengan mudah dan mudah mendapat alat ganti untuk penyelenggaraan.

Soalan 4 (c)

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Calon mengemukakan fakta jawapan untuk soalan keupayaan staf dengan memberi fakta mengenai personaliti seseorang staf. Calon memberi jawapan seperti kebersihan pakaian dan tubuh badan. Sepatutnya jawapan adalah mengenai kepakaran atau kemahiran staf dapur dan staf perkhimatan.

Soalan 5 (a)

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Jawapan calon tidak mengemukakan fakta mengenai kebersihan di restoran dan persekitaran tetapi lebih tertumpu kepada kebersihan alatan, pekerja dan makanan. Contoh jawapan seperti pekerja mesti memakai pakaian yang bersih. Sepatutnya jawapan perlu merujuk kepada fakta seperti penyediaan jadual pembersihan atau menyediakan program induksi untuk setiap jenis pembersihan.

Soalan 5 (b)

Pada keseluruhannya calon dapat menjawab dengan fakta yang tepat dan mengikut kehendak soalan kerana fakta yang dikehendaki adalah fakta mengingat semula.

Soalan 5 (c)

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Calon memberi fakta yang tidak tepat dan kurang logik kepada soalan yang berkehendakkan jawapan mengenai cara melindungi makanan daripada tercemar. Contoh jawapan seperti jangan meletakkan makanan ditempat yang kotor. Sepatutnya jawapan adalah seperti; tutup makanan yang telah dimasak dengan menggunakan penutup makanan untuk mengelakkan daripada habuk.

Soalan 6 (a)

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Calon tidak memberi fakta yang menunjukkan perbezaan diantara merebus dengan mendidih tetapi calon telah membuat nota penerangan mengenai merebus dan mendidih. Sepatutnya jawapan adalah seperti; merebus adalah sejenis kaedah memasak menggunakan air yang banyak manakala mendidih adalah keadaan dimana air mencapai suhu didih iaitu 100 °C.

Soalan 6 (b)

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Calon memberi fakta didalam satu atau dua perkataan tanpa huraian yang menyokong jawapan

mereka. Contoh jawapan seperti memberi rasa. Sepatutnya jawapan adalah seperti; memberi rasa kepada makanan yang tawar dan hambar.

Soalan 6 (c)

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan memahami kehendak soalan. Walau bagaimana pun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi adalah bertentangan dengan kehendak soalan yang sebenar. Calon memberi jawapan mengenai tujuan menghias dan bukannya perkara penting tentang menghias makanan seperti yang dikehendaki oleh soalan. Contoh jawapan seperti: Hiasan menutup kecacatan. Sepatutnya jawapan adalah seperti; jika menggunakan hiasan mentah, mestilah berwarna segar.

SARANAN KEPADA CALON

1. Perlu membaca soalan dengan teliti dan gariskan kehendak soalan supaya tidak salah memberi fakta.
2. Banyakkan latihan menjawab soalan menggunakan soalan daripada lembaga peperiksaan.
3. Mantapkan fakta sebelum menduduki peperiksaan.
4. Jumlah markah yang diperuntukkan pada setiap soalan perlu dijadikan panduan kepada berapa banyak fakta yang perlu dikemukakan.
5. Memahami konsep tersirat dalam semua soalan.
6. Elakkan memberi fakta yang sama makna untuk memastikan mendapat skor yang maksima.

SARANAN KEPADA GURU

1. Banyakkan latihan menjawab soalan supaya murid peka dengan kata tugas didalam soalan dan tahu bagaimana jawapan harus dikemukakan.
2. Soalan berbentuk kemahiran berfikir perlu diperbanyakkan supaya murid dapat memberi jawapan yang lebih bernas.
3. Gunakan pendekatan dan bahan pengajaran yang boleh menjana minda murid untuk mengingat fakta yang telah dipelajari.
4. Mengadakan set soalan mengikut tajuk dalam mata pelajaran supaya murid dapat mengenalpasti contoh soalan bagi tajuk yang berkenaan.
5. Adakan contoh jawapan yang betul supaya murid dapat membandingkan jawapan mereka dan dapat mengenalpasti kelemahan mereka.